

11 OCT 1999

Mahathir-Conte

M'SIA AKAN TEROKAI SEKTOR MINYAK SAWIT DAN GETAH DI GUINEA

PUTRAJAYA, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berminat untuk mengkaji kemungkinan meneroki sektor minyak sawit dan getah di Guinea.

Beliau berkata terdapat potensi besar dalam sektor pertanian di negara-negara Afrika barat, yang mempunyai tanah yang subur dan sesuai untuk tanaman padi, tebu dan buah-buahan tropika.

Bercakap pada sidang berita bersama dengan Presiden Lansana Conte dari Guinea di Jabatan Perdana Menteri di sini, Dr Mahathir berkata terdapat potensi bagi minyak sawit, getah dan keluaran pertanian lain di Guinea.

Dr Mahathir berkata Bernas Bhd telah pun berada di Guinea dan telah memulakan tanaman padi dan ternakan ayam untuk telur dan ayam daging.

"Tetapi kami berpendapat terdapat bidang-bidang lain yang boleh kita kerjasama," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir dan Conte menyaksikan majlis menandatangani empat perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU).

Perjanjian berkaitan perdagangan ditandatangani oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar bagi Malaysia manakala Guinea diwakili oleh Menteri Perdagangan dan Industri Madikaba Camara.

Perjanjian lain adalah berkaitan kerjasama maklumat, dan Malaysia diwakili oleh Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob manakala Guinea diwakili oleh Menteri Komunikasi Alpha Ibrahima Mongo Diallo.

Memorandum persefahaman berkaitan kerjasama pendidikan ditandatangani oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Razak bagi Malaysia dan Guinea diwakili Menteri Komunikasi Alpha Ibrahima Mongo Diallo.

Malaysia dan Guinea juga menandatangani MoU bagi penubuhan hubungan pelabuhan antara Lembaga Pelabuhan Klang dan Autonome De Conakry. Ia ditandatangani oleh Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang Datin O.C. Phang manakala Guinea diwakili oleh Pengurus Besar Autonome De Conakry, Aliou Diallo.

Presiden Conte tiba di sini semalam dan mengetuai delegasi seramai 33 anggota. Lawatan itu adalah atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Guinea, sebuah negara Afrika barat yang mempunyai penduduk lebih tujuh juta mempunyai longgokan bauksit, bijih besi dan intan yang komersil, di samping tanah yang subur sesuai untuk tanaman padi, tebu dan buah-buahan tropika.

Ditanya jika Guinea menjangka kenaikan bantuan Malaysia dalam bidang lain, selain daripada pelaburan dalam bidang pertanian, Dr Mahathir berkata: "Kita berminat untuk meningkatkannya tetapi kita terkekang, memandangkan ekonomi kita belum pulih sepenuhnya.

"Tetapi ke tahap yang kita boleh, kita berminat untuk menyertai pembangunan ekonomi di Guinea," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia berminat untuk mempelajari pengalaman Guinea melalui pertukaran para pegawai.

Ini, katanya, akan membolehkan kedua-dua negara mempelajari bagaimana projek pembangunan dilaksanakan di kedua-dua negara itu.

Sementara itu, Conte berkata perjanjian dan MoU yang ditandatangani hari ini antara Malaysia dan Guinea akan mengeratkan lagi kerjasama dua hala.

"Kami mahu melihat kerjasama kita (dengan Malaysia) memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara," katanya.

"Jika kita dapati kerjasama kita tidak memberi manfaat kepada rakyat kita, kita akan tinggalkannya.

"Tetapi, kita akan lakukan segala yang mungkin supaya kerjasama itu akan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dan Guinea," kata Conte.

Sebelum majlis menandatangani perjanjian dan MoU itu, Dr Mahathir dan Conte mengadakan perbincangan dua hala, dan selepas itu menghadiri mesyuarat delegasi kedua-dua pihak.

--BERNAMA

ES RI